

**Bersih 3.0 perlu memandangkan pilihan raya 'terburu-buru' kata Ambiga kepada SPR**  
**The Malaysian Insider**  
**06 April , 2012**  
**Oleh Shazwan Mustafa Kamal**

KUALA LUMPUR, 6 April — Bersih 2.0 mempertahankan rancangannya untuk mengadakan perhimpunan 28 April depan kerana melihatnya sebagai satu keperluan memandangkan kerajaan masih lagi tidak menunjukkan sebarang komitmen untuk melaksanakan lapan tuntutan mereka sebelum pilihan raya akan datang.

Pengerusi badan pemerhati pilihan raya itu, Datuk Ambiga Sreenevasan (gambar) mendakwa kerajaan "menunjukkan sikap terburu" untuk memanggil pilihan raya, yang menurutnya akan diadakan dalam jangka masa terdekat, dan itu menjadikan Bersih sangat relevan.

"Seperti yang saya katakan kerajaan terburu-buru untuk mengadakan pilihan raya. Tiada pihak yang menjelaskan segala pembaharuan yang dituntut Bersih 2.0 akan dilaksanakan sebelum pilihan raya ke-13. Kenapa?"

"Kami perlu melaksanakannya kerana pilihan raya dijangka berlaku dalam masa terdekat ... saya menolak kenyataan Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar," katanya kepada The Malaysian Insider.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu berkata langkah Bersih menganjurkan perhimpunan ketiga mereka adalah satu tindakan terburu-buru.

Menurutnya, Bersih seharusnya menerima 22 syor Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (PSC) berkenaan penambahbaikan sistem pilihan raya dan memebenarkan suruhanjaya tersebut mengkaji cadangan berkenaan.

Beliau turut mempersoalkan rasional Bersih mengadakan perhimpunan ketiganya itu, dan menegaskan SPR sendiri perlu menyelesaikan beberapa isu yang dicadangkan dalam laporan lengkap PSC.

Namun kenyataan SPR itu ternyata menimbulkan rasa kurang senang Ambiga, yang berulang kali mempersoalkan komitmen Putrajaya dan SPR untuk memperbaiki sistem pilihan raya yang adil dan bersih.

"Kami rasakan pandangan kami boleh dilaksanakan sebelum pilihan raya ke-13. Kami turut menawarkan bantuan untuk membantu. Sudah berbulan kami memperjuangkan perkara ini.

"Bagaimana ia adalah tindakan terburu-buru? Sedangkan pilihan raya sendiri terburu-buru. Kami kelihatan terburu-buru kerana mereka seperti terburu-buru untuk mengadakan pilihan raya sebelum penambahbaikan tersebut," katanya.

Perhimpunan ketiga Bersih dijangka berlangsung di Dataran Merdeka bermula dari jam dua hingga empat petang.

Namun begitu, perhimpunan kali ini turut disertai daripada pelbagai organisasi, sepertinya

ingin memberikan tekanan kepada kerajaan melaksanakan tuntutan organisasi ini yang menuntut pilihan raya yang bersih dan adil.

Perhimpunan Bersih pada 9 Julai lalu bertukar kecoh selepas pihak berkuasa menggunakan bom pemedih mata dan meriam air untuk menyuraikan peserta demonstrasi.

Peserta demonstrasi telah berkumpul sejak pagi di ibu negara dan enggan mendengar arahan polis yang menegah mereka daripada menyertai perhimpunan tersebut.

Lebih 1,600 peserta termasuk Ambiga dan pemimpin pembangkang ditahan, dan Bersih 2.0 kemudiannya mengatakan protes berkenaan berjaya berdasarkan jumlah peserta dan publisiti yang diperoleh mereka termasuk media nasional dan juga antarabangsa.

Kerajaan kemudiannya menggubak Akta Perhimpunan Aman selepas demonstrasi tersebut dan membentuk PSC untuk penambahbaikan pilihan raya, namun Bersih 2.0 menyatakan tindakan sedemikian adalah tidak mencukupi.

Ambiga menegaskan 22 syor PSC itu gagal untuk menangani sesetengah perkara dalam sistem pilihan raya.

Ia termasuklah pengundi berganda, jumlah pengundi yang besar didaftarkan di bawah satu alamat, pengundi hantu, dan jumlah pengundi pos yang bertambah, serta beberapa keraguan lain.

Bekas Pengerusi Majlis Peguam ini juga menjelaskan PSC juga gagal menyentuh berkaitan isu politik kotor dan keganasan politik, tapi turut tidak mengarahkan SPR melaksanakan 22 syor berkenaan untuk pilihan raya ke-13.

Beliau mengharapkan Pilihan Raya Umum ke-13 tidak dijalankan dalam masa terdekat bagi membolehkan kerajaan melaksanakan segala penambahbaikan tersebut.

Perhimpunan pertama bersih pada 2007 telah mengubah landskap politik negara pada pilihan raya 2008 yang menyaksikan barisan Nasional (BN) kehilangan lima negeri dan dua pertiga majoriti dewan.

Kekalahan tersebut kemudiannya menjurus kepada pembentukan Pakatan Rakyat (PR) yang dianggotai oleh PKR, DAP, dan PAS.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-3.0-perlu-memandangkan-pilihan-raya-terburu-buru-kata-ambiga-kepada-spr/>